

Najib mohon khidmat QC bulan depan

Kuala Lumpur: Permohonan Datuk Seri Najib Razak untuk mendapat khidmat peguam kanan dari United Kingdom (QC), bagi mewakilinya dalam rayuan akhir kes penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn Bhd akan difailkan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Timbalan Pendakwa Raya, Mohd Ashrof Adrin Kamarul, ketika dihubungi media mengesahkan perkara itu selepas pengurusan kes di depan Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Putrajaya secara maya, semalam.

Menurut Mohd Ashrof, pembelaan akan memfailkan permohonan itu pada akhir bulan Mei ini dan memaklumkan akan merayu di Mahkamah Persekutuan, jika permohonan berkenaan tidak berjaya.

Mohd Ashrof berkata, pende-

ngaran rayuan akhir Najib hanya akan ditetapkan selepas permohonan untuk mendapatkan khidmat QC dalam rayuan akhir itu, diputuskan mahkamah.

"Peguam juga dikehendaki memaklumkan kepada mahkamah pada 18 April ini berhubung tarikh sesuai bagi QC untuk hadir pada prosiding rayuan akhir," katanya.

Mohd Ashrof berkata, rekod rayuan sudah diserahkan kepa-

"Peguam juga dikehendaki memaklumkan kepada mahkamah pada 18 April ini berhubung tarikh sesuai bagi QC untuk hadir pada prosiding rayuan akhir

*Mohd Ashrof Adrin Kamarul,
Timbalan Pendakwa Raya*

da kedua-dua belah pihak pada 31 Mac lalu.

Pada 28 Julai 2020, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Mohd Nazlan Mohd Ghazali mensabitkan dan mengenakan hukuman penjara 12 tahun dan denda RM210 juta, selepas mendapati Najib bersalah terhadap tujuh tuduhan pecah amanah, menyalahgunakan kedudukan dan perubahan wang haram dana RM42 juta milik SRC.



Pada 8 Disember tahun lalu, panel tiga hakim Mahkamah Rayuan yang dipengerusikan Hakim Datuk Abdul Karim Abdul Jalil bersama-sama Hakim Datuk Has Zanah Mehat dan Hakim Datuk Vazeer Alam Mydin Meera, menolak rayuan Ahli Parlimen Pekan itu dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi.

Sehari sebelum itu, mahkamah sama menolak permohonan Najib untuk memasukkan bukti dan keterangan baharu dalam rayuannya berhubung pembabitian bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar yang didakwa bersekongkol dengan ahli perniagaan dalam buruan, Jho Low atau Low Taek Jho, bagi memudahkannya (Jho Low) menyeleweng dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan anak syarikatnya SRC International.